

**ISU DAN CABARAN DALAM PENGURUSAN AKIDAH DI MALAYSIA:
PENGALAMAN DI JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)**

Sophian Rambli^{1,a}, Engku Ahmad Zaki Engku Alwi²

^{1,2}Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
Kampus Gong Badak Kuala Terengganu, Terengganu

^asopet77@gmail.com

Kata kunci: Isu, Cabaran dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Abstrak. Akidah merupakan tunjang utama dalam pegangan umat Islam serta perlu diurus dengan sistematik dan terpadu. Ini kerana jika sebaliknya tidak dilakukan dengan baik akan mengakibatkan hal-hal yang membawa kepada pepecahan dan penyimpangan umat Islam. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai sebuah institusi Islam yang diberi tanggungjawab dan amanah untuk urus tadbir hal ehwal Islam termasuk dalam aspek pengurusan akidah. Sepanjang penubuhan JAKIM menghadapi pelbagai isu dan cabaran yang harus ditangani dengan profesional dan berstrategi dalam mengukuhkan pegangan umat Islam di Malaysia bukan hanya peringkat persekutuan tetapi peringkat negeri-negeri di Malaysia. Makalah ini membincangkan beberapa isu dan cabaran yang dihadapi oleh JAKIM serta menambak baik pendekatan dan straregi dalam bersinergi bagi pengurus akidah di Malaysia. Metod kajian makalah ini menggunakan kaedah temubual, pemerhatian dan analisis dokumen. Hasilnya kajian ini mendapati pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi oleh JAKIM dalam mendepani pengurusan akidah di Malaysia. Dalam mengukuhkan akidah umat Islam di Malaysia, JAKIM sentiasa menggunakan kaedah, pendekatan dan straregi dalam menghadapi isu dan cabaran dalam pengurusan akidah agar dapat menstabilkan ajaran Islam dan pegangan umat Islam di Malaysia.

PENDAHULUAN

LATARBELAKANG KAJIAN

Sejak kebelakangan ini berlaku isu dalaman di Malaysia dan luaran yang berhubung kait dengan pegangan umat Islam mula mempersoalkan kredibiiti, kewibawaan dan relevansi termasuk agensi Islam di Malaysia atas alasan ketidak puas hati terhadap pelbagai isu sama yang perkara yang kecil hingga yang besar. Ini merupakan cabaran sesebuah negara majoriti Islam dalam menangani isu persepsi yang dahsyat yang akan mengugat kestabilan negara termasuk penganut agama Islam yang sekian lama hidup dalam keharmonian dalam kemajmukan di Malaysia. Maka penulis terpenggil untuk mengkaji lebih mendalam dan terperinci mengenai kewajaran mempertahankan dan memperkukuhkan agensi serta institusi Islam sebagai platform kepada urus tadbir hal ehwal Islam di Malaysia seperti di JAKIM diperkasakan demi kesucian agama Islam.

Seterusnya, bagi memastikan pegangan akidah umat Islam sentiasa terpelihara, JAKIM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan badan bukan kerajaan telah menganjurkan pelbagai program keilmuan dan kesedaran seperti symposium, seminar, forum, bengkal dan sebagainya di seluruh negara. Ini dapat meningkatkan kefahaman dan penghayatan umat Islam dalam pelbagai dimensi dan wadah untuk menyebar luas maklumat berkenaan pengukuhan akidah dan pemerkesaan di seluruh peringkat dan lain-lain. Selain itu, kajian dan tindakan terhadap pihak-pihak yang cuba untuk menyebarkan ajaran atau fahaman yang bertentangan dengan akidah Islam perlu dipantau dan diperkuatkan dengan dengan bentang-bentang agar tidak mengancam kedudukan Islam dan pegangan umat Islam.

Mengukuhkan akidah berteraskan Ahli Sunnah Wal- Jamaah dalam kerangka wasatiyah dan harmoni. Malaysia adalah merupakan negara yang menjadikan manhaj dan pedomam iaitu aspek akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah sebagai pegangan rasmi dalam masyarakat Islam (Pelan Strategik JAKIM 2015-2019). Berdasarkan dan merujuk kepada Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 5 Mei 1996,

....Telah menetapkan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah dari segi akidah, syariah dan akhlak.

SOROTAN KAJIAN

Kajian berkaitan peranan JAKIM dalam pengurusan akidah di Malaysia masih belum diketengahkan lagi. Walaupun banyak kajian sudah diketengahkan berkaitan JAKIM sama peranan, sumbangan dan lain-lain namun dari aspek yang berlainan atau tempat dan skop kajian yang berbeza. Penyelidik akan meneliti kajian atau penyelidikan yang belum

dilakukan oleh pengkaji sebelumnya. Sememangnya tulisan-tulisan tentang JAKIM dan juga menyentuh pelbagai aspek dan sudut pandang yang berbeza. Antaranya ialah:

Adam Badrulhisham (2015), Ahli Sunnah Wal Jamaah dan Pemakaian di Malaysia, Isu dan Cabaran menyatakan mengenai Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai pegangan dan prinsip secara keseluruhan dalam amalannya di Malaysia. Akan tetapi sejak akhir ini, perlbagai isu dan cabaran dalam meraikan kepelbagaian mazhab sebahagian di amalkan di Malaysia. Secara umumnya kajian ini memberi gambaran isu dan cabaran pendekatan dan strategi konsep Wasatiyyah dan ASWJ dalam berhadapan dengan khilafiyyah termasuk aspek akidah. Walaupun demikian terdapat kajian lanjutan perlu dilakukan dan berhubung dengan kajian yang akan dilakukan oleh penulis.

Mohd Aizam Bin Mas’od (2013), Diskusi Isu Akidah dan Pemikiran Islam di Malaysia menjelaskan dan membincangkan isu akidah yang terdapat di Malaysia seperti sejarah dan perkembangannya. Isu-isu yang berkaitan dengan ancaman akidah dan pemikiran semasa di Malaysia berasaskan metod akademik, mengekalkan nilai-nilai ilmiah dan mengambil rujukan daripada pihak berautoriti bagi menentukan kedudukan atau pendirian rasmi pihak berwajib berkenaan satu-satu isu. Dalam penyelidikannya merangkumi pelbagai pendekatan iaitu sama ada ia berbentuk penjelasan mendatar atau hujah balas terhadap akidah dan pemikiran yang menyeleweng daripada akidah dan syariah Islam.

Mohd Radhi Ibrahim (2013), Pengurusan Akidah Dalam Kehidupan Muslim iaitu menjelaskan doktrin akidah adalah merupakan pemikiran setiap individu. Oleh itu, ianya perlu diberi perhatian dan diurus serta dikukuhkan dengan baik dan teliti. Sebaliknya, kegagalan mengurus dan mengatur perkara ini akan menyebabkan kekeliruan, penyimpangan, perpecahan, pertembungan dan kemusnahan dalam pelbagai aspek. Dan juga daripada hal tersebut akan menyebabkan impak yang negetif sesama Islam.

Realiti semasa umat Islam yang agak tertindas di banyak kawasan di dunia, ianya memerlukan satu pendekatan dan penjelasan akidah yang mudah dan jelas, ini dilakukan agar boleh mengukuhkan perpaduan serta menguatkan sesama umat Islam. Mahfuzah Zohdi, Yusri Mohammad Ramli, Jaffary Awang (2014), Peranan dan Sumbangan JAKIM dalam Dialog antara Agama, merupakan kajian mengenai kaedah dan metodologi dalam memberi impak kepada keharmonian dan kesejahteraan masyarakat Islam termasuk pegangan agama. Kajian menfokuskan kepada dialog sebagai salah satu pendekatan yang berkesan dan toleransi dilakukan sama ada individu mahupun kelompok. Penyelidikan ini hanya menfokuskan pendekatan dan keadah dialog yang dilakukan oleh pihak JAKIM dan agensi Islam lain dalam membuka ruang perpaduan di antara pelbagai kepercayaan dan keyakinan di Malaysia.

Trevor Wade Chueh Hui Preston (2012), *The State Islam Nexus*, Islam and the State in Indonesia and Malaysia 1982-2008, secara umumnya menjelaskan bahawa secara umum perbincangan sistem pemerintahan yang diamalkan di Malaysia, penyelidik banyak mengemukakan perbandingan di antara Malaysia dan Indonesia yang mempunyai majoriti penganut Islam serta mengamalkan kehidupan berlandaskan ajaran Islam. Namun tidak banyak dibincangkan mengenai peranan agensi Islam sama ada parti politik berasaskan ideologi dan perjuangan Islam, institusi Islam yang mengurus dan mentadbir bagi hal ehwal Islam.

Mohd Radhi Ibrahim (2006), *Akidah dan Pembangunan Tamadun*, dalam buku ini menjelaskan akidah dalam memberi kekuatan bagi pembangunan tamadun Islam. Buku ini membantu dalam penjelasan kepada aspek akidah juga mengukuhkan pegangan umat Islam walaupun mengalami perubahan dalam ketamadunan sama ada fizikal dan material. Perbincangan penyelidikan ini menjelaskan Islam merupakan satu agama yang lengkap dan menyeluruh. Dan juga ajarannya meliputi pelbagai aspek kehidupan sama ada berkaitan dengan keduniaan mahupun akhirat.

Wan Roslina Wan Daud (2005), *Kesatuan Ilmu dan amal dalam konteks pentadbiran beradab, Satu Kajian di JAKIM*, lebih menfokuskan kepada tradisi ilmu dan pembangunan pendidikan yang telah dilakukan oleh JAKIM dalam memartabatkan ilmu-ilmu Islam di Malaysia.

Nooraini Mohd Noor (2005), *Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Peranannya dalam pendidikan sosial di Malaysia*, dalam kajian ini, ianya hanya menjelaskan JAKIM serta peranan dalam pendidikan sosial secara umum. Walaupun demikian ada aspek lain membantu untuk kajian lanjutan secara komprehensif dan mendalam terutama aspek akidah dan pemikiran Islam.

Mustafa Awang (2003), *Usaha-usaha pemurnian akidah Islam: Analisis khusus terhadap usaha-usaha Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Pusat Pemurnian Akidah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) di Hulu Yam Bharu, Selangor*. Kajian ini secara umumnya menjelaskan bahawa pendekatan dan kaedah yang dilakukan oleh dua agensi Islam iaitu JAKIM dan JAIS di beberapa tempat di Selangor. Dan juga kajian ini membantu dalam melihat usaha-usaha yang telah dilakukan oleh kedua-dua agensi Islam dalam pemurnian akidah Islam. Bagi penyelidik, aspek usaha-usaha permurnian secara umum ini dapat dilakukan kajian lanjutan agar dalam memberi gambaran yang lebih jelas dan mendalam untuk kajian berikutnya.

Secara keseluruhannya penyelidikan ini banyak memberi kelebihan kepada kajian yang akan dilakukan oleh penyelidik kerana maklumat dan data-data dibincangkan serta dibahaskan sangat relevan. Ini akan banyak membantu dalam meneliti secara mendalam dan komprehensif kepada kajian yang tidak banyak dilakukan oleh penyelidik-penyelidik sebelumnya khususnya peranan agensi Islam dalam pengurusan isu-isu akidah di Malaysia sebagai fokus kajian penyelidikan. Dalam buku Diskusi Isu Akidah dan Pemikiran Islam di Malaysia, ia berbentuk mendatar atau lebih hujah balas terhadap akidah dan pemikiran yang menyeleweng daripada akidah dan syariah Islam.

Seterusnya, setelah memaparkan kajian-kajian sebelum terdapat masih banyak ruang dan hal-hal yang belum dikaji oleh penyelidik lain. Ini akan dapat memberi kesempatan untuk penyelidik untuk menfokuskan, mengkaji secara mendalam serta terperinci terhadap institusi ini iaitu JAKIM sebagai *domain* kajian agar ianya dapat dijadikan sebagai penyelidikan yang menghasilkan manfaat bukan hanya kepada institusi iaitu JAKIM tetapi melihat juga keunikan, peranan pengukuhan akidah dan pemikiran Islam di Malaysia.

Kajian yang lepas dapat memberi maklumat kekuatan kajian dalam membantu penyelidik untuk kajian yang akan dilakukan dalam penyelidikan ini. Manakala kekurangan akan diberi ruang untuk diperbaiki, diteliti dengan terperinci serta mendalam agar kajian ilmiah ini sinigfikan dengan pembahasan keseluruhannya. Hampir semua penyelidikan-penyelidikan sebelumnya mempunyai kelebihan dan kekuatan serta kekurangan dalam tinjauan awal dan akan dilanjutkan. Masih ada ruang dan aspek lain yang belum dikaji dan akan dikupas serta diteliti oleh penyelidik. Dengan perbincangan dan pembahasan yang mendalam nanti secara dalam penyelidikan ini, ianya berusaha dalam penyelidikan ini bagi memperbaiki kekurangan dan dapat dikemukakan hal-hal yang belum dibincang atau dikaji oleh penyelidik-penyelidik lain serta menemukan hal-hal yang baru dalam penyelidikan ini.

Penulis mendapati kajian-kajian lepas tidak menfokuskan JAKIM secara mendalam dan hanya bersifat umum dalam membincangkan peranan dan sumbangan. Penyelidik di sini akan mengkaji, membincangkan dan mengupas secara terperinci dan konprehensif dalam aspek sejarah, perkembangan dan pembangunan JAKIM 1968 sehingga kini. Di samping itu, penyelidik akan mengkaji, menerokai dan menganalisa dalam aspek peranan JAKIM dalam pengurusan isu-isu akidah di Malaysiadi Malaysia. Dan seterusnya penyelidik juga membincangkan penemuan dan dapatan belum pernah digunakan oleh penyelidik-penyelidik yang lain.

Setelah memaparkan beberapa kajian terdahulu, jelas menunjukkan belum ada kajian mengenai peranan JAKIM dalam pengurusan isu-isu akidah di Malaysia dari tahun 1984 sehingga 2016. Walaupun demikian kajian-kajian terdahulu membantu dalam kajian yang akan dilakukan oleh penyelidik kelak bagi meneliti kelompongan agar penyelidikan kelak akan dapat menyumbang kepada ilmu pengetahuan, kerajaan, masyarakat, umat Islam serta institusi Islam di Malaysia. Mudah-mudahan dengan penemuan dan penyusuan kajian ini secara konprehensif dapat menghasilkan karya dan khazanah sejarah Islam khasnya tentang institusi Islam di Malaysia khususnya menjelaskan dan memberi pemahaman aspek peranan JAKIM pengurusan isu-isu akidah di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Sebagai panduan di dalam menjalankan kajian ini, beberapa kaedah yang dikenal pasti dapat membantu sepanjang proses penyelidikan ini iaitu, pertama penyelidikan perpustakaan (Sidek Mohd Noah, 2002: 44-45) dan Kajian Lapangan. Sementara untuk Sumber dan Keadah Pengumpulan Data penulis menggunakan kaedah Temu bual separa struktur, pemerhatian atau observasi(Mok Soon Sang. Ed, 2014) dan analisis dokumen. Metodologi kajian merupakan kaedah yang sistematik untuk menyelesaikan permasalahan kajian. Dan juga ia boleh difahami sebagai ilmu untuk mengkaji bagaimana kajian itu dijalankan secara ilmiah (Kohtari, 2004; Azman A.R, Mohd Faez A.B, Siti Zulaika Mokhtar, 2016:148-149). Selain daripada itu, Metodologi kajian juga sebagai kaedah yang akan digunakan sama ada untuk mengumpul data atau menganalisa data. Penghuraian perkara ini penting bagi melihat kaedah-kaedah yang dirangka boleh mencapai objektif yang dicadangkan. Pada umumnya kajian ini adalah kajian yang lebih bersifat lapangan yang menggunakan keadah reka bentuk penyelidikan kualitatif. Melalui kajian kualitatif, rujukan terhadap dokumentasi bercetak dan temu bual pakar telah digunakan.

Dokumentasi. Metod ini digunakan untuk mengumpul maklumat dan data-data dari penulisan dan dokumentasi bertulis yang dapat memberikan keterangan dan digunakan sebagai bukti yang sahih tentang kenyataan. Ia merangkumi sumber-sumber dalam bentuk buku-buku, jurnal, risalah, disertasi dan tesis, prosiding seminar, kertas kerja, akta, artikel, laporan, risalah dan laman web. Data-data yang diperolehi digunakan untuk membentuk landasan teori sebagai asas menyiapkan kajian ini. Ia terdiri dari sumber primer dan sekunder.

Temu bula Pakar. Metod temu bual digunakan bagi mendapatkan maklumat secara langsung mengenai bidang yang dikaji. Metod temu bual sangat penting kerana isu ini adalah yang sangat sensitive dan tidak semua pihak mampu menghuraikannya dengan baik. Temu bual yang digunakan adalah separa berstruktur (*semi structured interview*) yang mana soalan yang dikemukakan kepada pesert kajian (PK) disusun dan ditentukan tetapi PK diberi kelonggaran semasa

memberi jawapan dan ia boleh dikembangkan mengikut budi bicara penemu bual da PK. (Osman, 2007; Azman A.R, 2016). Temu bual terhadap pelbagai peringkat iaitu: Pegawai JAKIM Bahagian Penyelidikan, Pegawai Pakar Panel Akidah JAKIM, Ahli Jawatan Kuasa Pakar Panel Akidah (lantikan daripada JAKIM terdiri ahli akademik di IPT), SS Mufti Negeri-Negeri Malaysia, Pegawai Penguatkuasa dan Penyelidikan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Pegawai Agama (Jabatan Agama Islam Negeri), Agensi Kerajaan (KDN, PDRM, Jabatan Penjara Malaysia), Ahli Akademik IPT (UM, UKM, USIM, KUIN, UiTM), dan NGO (Pertubuhan Bukan Kerajaan).


Peserta Kajian (PK) yang disebutkan di atas dipilih secara sampel bertujuan (purpose sampling) dari kalangan pegawai kerajaan, ahli penyelidik dan akademik adalah bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan pendapat serta hujah-hujah ilmiah untuk dijadikan sumber dan data serta dianalisis untuk menjawab pembahasan kajian yang dilakukan. Dapat disimpulkan juga, penyelidik menggunakan kaedah dalam menganalisa data tentang penyelidikan yang akan dilaksanakan iaitu:

Pertama, Metod Induktif adalah suatu metod yang akan menjelaskan dan membuat kesimpulan berdasarkan kepada data yang bersifat khusus iaitu mengenai laporan-laporan dan rekod-rekod JAKIM ntuk membuat kesimpulan umum tentang kajian yang akan dijalankan. *Kedua* pula iaitu Metod Deduktif yang akan menerangkan dan membuat keadah analisis data untuk menghasilkan kesimpulan berpanduan data-data temubual, penyelidikan, artikel dan lain-lain yang berkaitan dengan perkembangan Islam di Malaysia dan keberkesanan dan relevansi JAKIM yang bersifat umum untuk mendapatkan kesimpulan yang khusus di akhir kajian ini. Ini juga sebagai menyediakan laporan daripada dapatan kajian serta perkara yang penting bagi hasil penyelidikan yang dijalankan.

PERBINCANGAN

Isu dan masalah yang sentiasa timbul dalam masyarakat memerlukan perhatian khusus oleh pihak JAKIM. Dalam hubungan ini, JAKIM tidak mampu dan tidak boleh bergerak sendirian, sebaliknya setiap isu dan masalah tersebut diambil tindakan secara bersepadu oleh agensi Kerajaan Pusat dan Negeri di semua peringkat. Ini kerana kekuatan dan kesatuan dalam mencegah dan mengawal daripada keadaan yang lebih teruk dan parah jika tidak dibendung sejak awal dan menyekat daripada merebak dan menjadi punca penyelewangan serta akhirnya membawa pepecahan umat Islam di Malaysia. Antara isu utama yang uskat dibenteras adalah berkaitan dengan penyelewangan akidah, ajaran sesat, budaya hedonisme (hiburan melampau), kerosakan akhlak, gejala sosial, aspek keselamatan, isu-isu ekstremisme, pelampau agama, fahaman-fahaman liberal, pluralisme, humanisme, LGBT, dan sebagainya.

Mengenai perlbagai isu dan cabaran yang dihadapi oleh umat Islam termasuk di Malaysia, ianya tidak terlepas daripada ancaman dan kebimbangan untuk berhadapan dengan menangani dengan pendekatan yang pertengahan, sederhana dan penuh dengan hikmah. Ini kerana kesatuan-kesatuan yang utama dapat menjadi benteng dan perisai untuk berhadapan dan tetap komited dengan ajaran Islam. Dengan itu, penyelidik mendapati JAKIM merupakan peneraju utama untuk menyelesaikan, memberi ruang dan peluang untuk bersama-sama dengan pemerintah dan rakyat dalam berhadapan dengan isu penting dan utama iaitu akidah dan pemikiran Islam.



Kerangka dan Konseptual Isu dan Cabaran

Diakui bahawa institusi fatwa dapat diumpamakan seperti sebuah kuih yang dibakar dari atas dan dari bawah. Penjelaskannya iaitu, di atas, institusi fatwa berhadapan dengan politik pemerintahan (kerajaan) dan di bawah pula berhadapan menghadapi dengan masyarakat (umat Islam) yang kadang-kadang tidak setuju dengan keputusan dan ketentuan yang telah ditetapkan oleh pemerintah atau kerajaan sama peringkat persekutuan dan peringkat negeri.

Oleh yang demikian, suatu fatwa dapat dianggap positif oleh pihak pemerintah atau kerajaan jika dinilai membela kepentingannya dan sebaliknya dinilai negatif oleh rakyat (umat Islam) kerana ada menyangka, persepsi dan dugaan bahawa fatwa yang dikeluarkan tersebut atas penwartaan dan penguatkuasaan serta pesanan daripada pemerintah atau kerajaan.

Begitu juga sebaliknya, suatu fatwa dapat dinilai negatif oleh pemerintah jika dinilai merugikan keputusannya. Selain dinilai tiada kerjasama (menentang) ada penilaian lain seperti para ahli Jawatankuasa (bahkan umat Islam) untuk mewujudkan kerjasama atau bersepakat. Sebagai impaknya, kemungkinan akan timbul daripada kekangan akan tidak mudah untuk mendapatkan kemudahan dalam melaksanakan program atau aktiviti.

Dalam rumusannya, globalisasi tidak mungkin dapat dihalang dan aka nada berkembang secara terus menerus bahkan mengakibatkan kepada cabaran kepada institusi hal ehwal Islam termasuk keputusan fatwa, maka harus dipertimbangkan dengan dunia semasa yang kompleks, kepelbagaian. Visi dan misi yang hendak direalisasikan adalah bagi mencapai dan mengajak kebaikan dan mencegah kemungkaran. Dan juga berusaha untuk mengamplikasikan Islam sebagai *ummatan wasathan, rahmah dan li al-‘alamin*.

Firman Allah bermaksud:

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu Dengan Yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang Yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan Yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).

(Surah al-Hujurat (49): 13)

Kepentingan kesatuan fikrah, kesatuan dalam matlamat (*Maqasid al-Syariah*), kesatuan dalam tindakan, kesatuan dalam menghadapi cabaran adalah diantara kajian ini dilakukan dalam melihat sejauh manakah peranan JAKIM dalam pengukuhan akidah, faktor-faktor penghalang kesatuan dalam pemantapan dan pemerksaan pegangan umat Islam dan memperbaiki pendekatan-pendekatan dalam berhadapan dengan isu dan cabaran dalam pengurusan isu-isu akidah di Malaysia. Dunia tanpa batas dan cabaran maklumat yang pantas harus dihadapi dengan pantas dan berwawasan serta tidak mengetepikan keseimbangan dan keharmonian serta kemajmukan di Malaysia akan dapat dikekalkan dan distabilkan.

Tidak dapat dinafikan,walaupun banyak dan pelbagai usaha yang telah dilakukan, namun penyebaran, penularan dan perkembangan ajaran, fahaman dan pemikiran yang menyeleweng serta sesat dalam masyarakat masih terus berleluasa serta berani tampil dengan terang-terangan dengan pelbagai alasan seperti hak asasi dan kebebasan menurut kepentingan-kepentingan tertentu tanpa memperdulikan sensitiviti sehingga muncul spekulasi, skeptikal dan polemik dalam masyarakat pelbagai kaum, kepercayaan dan budaya.

Pada hal kehormonian dan saling hormat menghormati antara umat beragama dan toleransi yang rancak diperkukuhkan cuba untuk diporak perandakan yang akibatnya pepecahan dan hura hara yang sukar untuk dikawal dan diperbaiki keadaan seperti ditempat belahan dunia lain. Dan juga kegiatan ajaran sesat dikesan masih berlaku dan muncul di beberapa lokasi di seluruh negara dengan menggunakan kaedah yang berbeza, berselindung disebalik pertubuhan tertentu dan modus operandi yang sukar untuk dikenal pasti disebabkan lokasi yang berpindah randah dalam gerakan menyebar luaskan fahaman, kegiatan dan pemikiran mereka untuk ahli baru dan pemantapan ahli yang sedia ada. Dalam dunia globalisasi, mereka juga dikesan menggunakan kecanggihan teknologi maklumat dan media baru sebagai medium untuk mempengaruhi masyarakat awam. Seterusnya kumpulan ini sentida bergerak melalui pendekatan yang halus dan licik serta berselindung di sebalik wadah, platform dan prinsip keinteltualan dan kebebasan hah asasi manusia.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh pihak JAKIM dan lain-lain, iaitu bagi tempoh 2009-2014, sebanyak 95 kumpulan ajaran sesat telah dikenal pasti bergiat aktif di negara ini. Hasil daripada pemantauan, pengawasan dan tindakan serta penguatkuasaan, gerakan dan perkembangan kumpulan ajaran sesat dapat dibendung walaupun tidak secara keseluruhannya. Sekurang-kurangnya ihak JAKIM mencuba agar gejala ajaran yang menyimpang daripada terus menjadi barah dan mambawa kekeliruan masyarakat Islam di Malaysia.

Manakala aspek penguatkuasaan dan pelaksanaan, terdapat pro dan kontra iaitu menurut perlembagaan dan undang-

undang, pihak JAKIM diberi hal dan bidang kuasa sebagai penyelarar dan pentadbir dalam hal ehwal Islam pada peringkat persekutuan. Akan tetapi juga menghadapi kekangan dalam peringkat negeri pula adalah tertakluk peruntukkan enakmen dan ordinan juga perlu ada pertimbangan dan birokrasi yang dicadangkan untuk mengutamakan kemaslahatan ummah dan agama Islam di Malaysia (Mohd Radhi, 2018).

MEKANISME PENGURUSAN AKIDAH DI MALAYSIA: SATU CADANGAN

1. Pengurusan Akidah salah satu alternatif bagi memberi impak dan kemaslahatan urus tadbir hal ehwal khususnya mendepani ancaman kepada pegangan akidah di Malaysia.
2. Stretegi dan Pendekatan Wasatiah memungkin sebagai wadah dan platform selari dengan perkembangan semasa agar relevan dan signifakan dalam menghadapi isu dan cabaran khususnya aspek akidah yang merupakan teras dan asas kekuatan keyakinan dan kepercayaan umat Islam yang perlu dipertahankan serta diperkukuhkan dalam kehidupan muslim.
3. Di sesuaikan dengan Indek Akidah yang boleh mengawal dan memantau agar terpelihara daripada penyimpangan dan penyelewangan.
4. Antara kelebihan dan kekuatan kedudukan agama Islam sebagai asas rasmi umat Islam diperingkat persekutuan dan menyokong juga toleransi serta saling hormat menghormati dalam perbezaan pegangan, agama dan kepercayaan.
5. Isu dan cabaran khususnya aspek akidah ditangani bersama-sama dengan jalinan yang kukuh antara kerajaan persekutuan dengan negeri-negeri di Malaysia walaupun dalam masa yang sama mempunyai beberapa kekangan dari sudut undang-undang negeri-negeri di Malaysia.
6. Memantapkan dan mengukuhkan kepakaran dan keahlian bahagian Pakar Panel Akidah bukan sahaja dari pihak JAKIM akan tetapi dicadangkan kepada negeri-negeri di Malaysia iaitu MAIN, JAIN dan Jabatan Mufti negeri-negeri di Malaysia dapat diwujudkan agar kesepakatan dalam penyelarasan dan pengawalan dapat direalisasikan walaupun ada kekangan-kekangan sama ada dalam mahupun luaran.
7. Konsep Wasatiyyah dan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam menanggapi perbezaan sama ada akan timbul isu dan cabaran yang menyebabkan pepecahan dan suasana yang tidak baik untuk umat Islam. Maka ini memerlukan penyelarasan dan penyeliaan dengan pendekatan profesional dan menfokuskan kepada kemaslahatan yang utama daripada akan menimbulkan pepecahan dengan penyatuan dan kesepakatan antara semua pihak termasuk kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan masyarakat. Penerangan dan memberi pemahaman yang berterusan akan mengurangkan pemikiran masyarakat dengan lebih efektif dan sistematik. Ini juga akan menjelaskan kepada masyarakat tentang adab dan akhlak dan kaedah perbezaan prinsip, pendapat dan prinsip yang furu’ agar persaudaraan sesama Islam tetap terpelihara.

PENUTUP

Kajian ini mencadangkan agar lebih banyak lagi kajian lanjutan dilakukan terhadap agensi-agensi, badan-badan lain terutamanya yang bertindak langsung dalam mengurus, menyelaras dan mengendali program, aktiviti, bengkel-bengkel pengukuhan, pengawasan, pengawalan, menambahbaik bidang kuasa, penstrukturan yang lebih sistematik dan terpadu dalam memperkasakan makenisme bagi pengurusan akidah di Malaysia. Memantapkan lagi perancangan dan penyelarasan dalam pengurusan akidah. Modul pengurusan akidah yang dicadangkan kemungkinan bermanfaat dalam penambahbaikan aspek pengurusan khusus mendepani isu-usi akidah, pengurus akidah yang komprehensif dan isu-isu khilafiyah terutama aspek akidah dan pemikiran semasa.

Usaha-usaha tersebut untuk memberikan pencapaian yang memberangsangkan JAKIM untuk terus berkhidmat kepada masyarakat. walaupun JAKIM kadang-kala diujani pelbagai isu, cabaran, masalah untuk melaksanakan kegiatan pengurusan akidah, namun JAKIM mempunyai prospek dan akan terus berusaha menangani dari semasa ke semasa.

RUJUKAN

Abang Sufri Mahmud Bin Abang Usop (Mantan Setiausaha Kerja Gabungan Sunnah Malaysia, NGO) dalam temubual dengan penyelidik, 19 Disember 2017.

al- Burey, Muhammad. 1992. *Pembangunan Pentadbiran Menurut Perspektif Islam*. Terj. Abdullah Mohd. Noor. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Azman Che Omar. 2013. *Pengenalan Pengurusan Islam*. hlm. 90-91. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Auni Abdullah. 2010. *Teras Utama Sistem Pengurusan Islam*. hlm. 215. Kuala Lumpur: Alam Raya Enterprise.

Mohd Fauzi Hamat. 2002. *Peranan Akidah Dalam Perancangan Pembangunan Ummah: Satu Analisis Dalam Konteks*

Masyarakat Kini. Jurnal Usuluddin. Bil. 16. 2002.02. 13-34. hlm. 13-14. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Engku Ahmad Zaki Bin Engku Alwi. 2007a. *Membangun Modal Insan Melalui Pemantapan Akidah*. hlm. 13. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Halim Bin Ahmad (Pengarah Bahagian Keluarga Sosial dan Komuniti di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)) dalam temubual dengan penyelidik, 19 Februari 2016.

JAKIM 4 DEKAD: Memacu Transformasi Pengurusan Hal Ehwal Islam. 2012. Putrajaya, Malaysia: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Kejayaan Institusi-Institusi Agama Di Bawah Menteri Di Jabatan Perdana Menteri. tt. hlm. 36. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Laporan Tahunan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2014. hlm. 28-29. .Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Kamus Dewan. 2007. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Aizam Bin Mas’od 2015. Diskusi Isu Aqidah dan Pemikiran Islam di Malaysia. Cetakan ke-2. Wilayah Persekutuan: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Mohd Aizam Bin Mas’od. (Pegawai Hal Ehwal Islam Bahagian Akidah di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)) dalam temubual dengan penyelidik, 20 Januari 2016.

_____. *Cabaran Pengukuhan Akidah di Malaysia: Tumpuan Aspek Pendekatan Pengajaran*. Jurnal Penyelidikan. hlm. 30. tt.t.tp.tp.

_____. *Peranan Akidah Dalam Perancangan Pembangunan Ummah: Satu Analisis Dalam Konteks Masyarakat Kini*. Jurnal Usuluddin. Bil. 16. 2002.02. 13-34. hlm. 13-14. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Mohd. Mohadis Yassin. 2005. *Penyelarasan Pentadbiran Hal Ehwal Islam Malaysia: Kajian di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)*, (tesis kedoktoran, Jabatan Pengurusan, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Mohammad Nidzam Abdul Kadir. 2015a. *Aku Betul Engkau Sesat: Menekuni Jalan Damai Dalam Perbezaan*. hlm. 44-51. Kuala Lumpur. Telaga Biru Sdn Bhd.

Mustapha Awang. 2003. *Usaha-usaha Pemurnian Akidah Islam: Analisi khusus terhadap usaha-usaha Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Pusat Pemulihan Akidah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) di Hulu Yam Bharu, Selangor*, (tesis sarjana, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Noorani Mohd Noor. 2005. *Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM): peranannya dalam pendidikan sosial di Malaysia*, (tesis sarjana, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Pelan Strategik JAKIM 2015-2019, (Wilayah Persekutuan, Putrajaya: Jabatan Kemajuan IslamMalaysia (JAKIM), 2015).

Shahrin Awaludin, KetuaPegawai Eksekutif WAMY Malaysia, dalam temubual dengan penyelidik 27 Disember 2017).

Wan Roslina Wan Daud. 2005. Kesatuan ilmu dan amal dalam konteks pentadbiran beradab: Satu kajian di JAKIM, (tesis sarjana, Pengajian Peradaban, Fakulti Sastera & Sains Sosial, Universiti Malaya.

www.Islam.gov.my